

Artikel

**Nilai Kepimpinan Mahathir Mohamad dari Perspektif Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**

*(Leadership Values of Mahathir Mohamad from the Perspective of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Students)*

Muhammad Syaqir Mohd Noor & Norhafiza Mohd Hed\*

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim,  
Perak, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [norhafiza@fsk.upsi.edu.my](mailto:norhafiza@fsk.upsi.edu.my)

Diserah: 08 Jun 2024  
Diterima: 30 Julai 2024

**Abstrak:** Mahathir Mohamad merupakan pemimpin negara yang berjaya membawa Malaysia ke arah pembangunan sosioekonomi yang pesat. Walau bagaimanapun, pada pemerintahannya sebagai Perdana Menteri kali kedua, berlaku ketidakstabilan politik, cabaran ekonomi dan kelemahan dalam perlaksanaan dasar-dasar yang dijanjikan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengukur nilai kepimpinan Mahathir Mohamad dari perspektif mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam dua tempoh pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menerusi instrumen soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada seramai 377 orang mahasiswa UPSI. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa gelaran Bapa Pemodenan sesuai dengan nilai kepimpinan Mahathir Mohamad yang banyak menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara dan masyarakat. Walaupun kebanyakan mahasiswa UPSI meragui pemilihan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang ke-7, namun mereka tidak menafikan bahawa ketokohan beliau menentukan kemenangan Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum ke-14. Hasil analisis juga menunjukkan ilmu dan pengalaman luas menjadikan Mahathir Mohamad seorang pemimpin yang terkenal di seluruh dunia. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan bahawa terdapat perubahan pada penerimaan mahasiswa UPSI terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad. Penerimaan mahasiswa UPSI adalah tinggi sewaktu pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri ke-4. Namun, penerimaan mahasiswa berada pada tahap sederhana apabila beliau menjadi Perdana Menteri ke-7. Perubahan ini berlaku kesan daripada kematangan masyarakat dalam menilai politik nasional, di samping kelemahan pentadbiran beliau semasa menjadi Perdana Menteri ke-7. Implikasi kajian memberikan gambaran jelas mengenai perubahan dalam persepsi politik masyarakat terhadap kepimpinan Mahathir, dan keperluan menyusun strategi yang lebih baik untuk masa depan negara.

**Kata kunci:** Nilai; kepimpinan; Mahathir Mohamad; mahasiswa; UPSI

**Abstract:** Mahathir Mohamad is a national leader who successfully propelled Malaysia towards rapid socioeconomic development. However, during his second tenure as Prime Minister, political instability, economic challenges, and weaknesses in implementing promised policies occurred. Therefore, this study aims to assess Mahathir Mohamad's leadership value from the perspective of students at Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) during his two tenures as Malaysia's Prime Minister. This study uses a quantitative approach through a survey instrument randomly distributed to 377 UPSI students. The study's findings indicate that the title "Father of Modernization" is fitting for Mahathir Mohamad's leadership values, which

significantly contributed to the country's and society's socioeconomic development. Although most UPSI students doubted Mahathir Mohamad's selection as the 7th Prime Minister, they did not deny that his leadership was pivotal in determining Pakatan Harapan's (PH) victory in the 14th General Election. The analysis also shows that his extensive knowledge and experience have made him a globally renowned leader. Overall, this study concludes that there is a change in UPSI students' acceptance of Mahathir Mohamad's leadership values. Student acceptance was high during his tenure as the 4th Prime Minister. However, acceptance was moderate when he became the 7th Prime Minister. This change is due to the maturity of society in evaluating national politics, alongside the weaknesses in his administration during his 7th tenure as Prime Minister. The study's implications provide a clear picture of the changes in public political perceptions towards Mahathir's leadership and the need to develop better strategies for the country's future.

**Keywords:** Values; leadership; Mahathir Mohamad; student; UPSI

## Pengenalan

Nilai kepimpinan bukan hanya berkait dengan sifat peribadi, tetapi juga penting untuk mempengaruhi budaya organisasi, etika dalam pembuatan keputusan dan meningkatkan dinamik pasukan. Nilai, secara ringkasnya didefinisikan sebagai apa yang baik, betul dan sesuai (Peregrym & Wolff, 2013). Menurut Shukri (2002), nilai merujuk kepada konsep dalaman dan luaran yang bertujuan untuk membezakan perwatakan seseorang individu, ciri-ciri sesuatu kumpulan atau keinginan yang mempengaruhi pemilihan keputusan mereka. Oleh itu, nilai ialah kepercayaan atau pegangan individu yang menjadi panduan dalam amalan kepimpinannya. Manakala, istilah kepimpinan pula ditakrifkan sebagai proses di mana seorang individu mempengaruhi sekumpulan orang untuk mencapai matlamat bersama (Northouse, 2010). Secara umumnya dapat disimpulkan bahawa kepimpinan adalah satu bentuk usaha terancang atau tidak oleh seseorang untuk memandu arah pihak lain dalam mencapai sesuatu matlamat yang dikongsi bersama (Khairunneezam et al., 2015). Menurut Rozita, Muhammad Rahimi dan Bahiyah (2018), istilah kepimpinan didefinisikan dengan pelbagai cara oleh pengkaji ilmu kepimpinan, bergantung kepada tumpuan kajian masing-masing dan hal ini telah menghasilkan kepelbagaiaan maksud kepimpinan. Dalam erti kata lain, kepimpinan ialah pengaruh untuk memastikan orang lain menuju kepada tujuan atau matlamat bersama.

Apabila digabungkan kedua-dua konsep ini, nilai kepimpinan berkait dengan tujuan peribadi dan organisasi, dan bagaimana kedua-dua tujuan yang berbeza ini selari bersama. Oleh itu, Vilma (2018) telah membangunkan satu kerangka konsepsual nilai kepimpinan yang dirangkumkan kepada tiga konsep iaitu: personaliti; interaksi dan hubungan; dan tindakan. Personaliti merujuk kepada ciri-ciri psikologi yang konsisten dalam diri seseorang yang mempengaruhi cara mereka berfikir, berkomunikasi, dan bertindak. Interaksi pula mengakui bahawa kepimpinan bukan hanya tentang pemimpin itu sendiri, tetapi juga tentang bagaimana mereka berinteraksi dan mempengaruhi orang lain. Pemimpin yang efektif mampu membangun hubungan yang kuat berdasarkan kepercayaan, rasa hormat, dan pemahaman bersama. Manakala, tindakan bermaksud langkah konkret yang diambil oleh pemimpin untuk mencapai tujuan. Ini melibatkan perancangan strategik, pembuatan keputusan, dan implementasi. Dalam konteks Islam, nilai kepimpinan ini merupakan elemen penting dan mempunyai jalinan yang erat dengan sejarah peradaban manusia. Menurut Hairol Anuar dan Zakaria Stapa (2011), nilai kepimpinan mempunyai kaitan dengan sejarah seseorang pemimpin atau tokoh yang menjadi satu ukuran kepada nilai-nilai dirinya yang telah diperjelaskan menurut perspektif Islam. Oleh itu, nilai kepimpinan ini bermula daripada kekeluargaan, adat, agama sehingga kepada organisasi dan pemerintahan (Tenas Effendy, 2002). Namun, perspektif Barat pula lebih melihat nilai kepimpinan sebagai faktor kepada kejayaan sesebuah organisasi itu (Nor Anisah & Razaleigh, 2017). Walaupun kedua-dua perspektif mengenai nilai kepimpinan ini berbeza, namun kedua-duanya menekankan tentang tanggungjawab atau tindakan seseorang pemimpin dalam sesebuah organisasi. Maka, kajian ini hanya memfokuskan kepada nilai kepimpinan mantan Perdana Menteri ke-4 dan ke-7 iaitu Mahathir Mohamad atas justifikasi kerana beliau lama berada dalam pemerintahan negara iaitu selama 22 tahun (Zakaria, 2017).

Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin yang dikenali seluruh dunia terutamanya dalam kejayaan beliau membangunkan Malaysia dan kebijaksanaannya dalam arena politik negara. Secara ringkasnya, beliau ialah seorang pemimpin yang mempunyai pemikiran yang tajam dan berpandangan jauh ke hadapan serta melahirkan cetusan idea-idea yang melangkui zaman (Muhammad Nur Azimi, 2017). Perjalanan kepimpinan politik Mahathir Mohamad secara rasmi bermula pada tahun 1946 dengan menjadi Ahli UMNO, dan pada ketika itu beliau masih lagi bertugas sebagai pegawai perubatan. Pada tahun 1964, Mahathir Mohamad telah memulakan kerjayanya secara rasmi di arena politik negara dengan menjadi ahli parlimen Kota Setar, Kedah (Yufridin et. al, 2007). Pada ketika itu, beliau menjadi salah seorang pejuang nasionalis yang hebat. Selepas itu, kerjaya politik beliau semakin berkembang dengan menyandang pelbagai jawatan seperti pengurus FIMA (1973), Senator di Dewan Undangan Negeri Kedah (1973), Menteri Pelajaran Malaysia (1974), Naib Presiden UMNO (1975), Timbalan Presiden UMNO (1976), Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan (1978), sebelum menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981.

Kepimpinan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri telah membuktikan pelbagai perubahan yang telah berlaku di Malaysia. Sepanjang pemerintahannya, banyak projek mercu tanda pembangunan negara seperti pembinaan jambatan Pulau Pinang, kompleks Dayabumi, KLCC telah dibina. Usaha pembangunan yang dilakukan Mahathir Mohamad diterima baik oleh rakyat kerana beliau berjaya menaiktaraf struktur ekonomi masyarakat dan membangunkan infrastruktur ke tahap yang lebih baik (Rahman, 1984). Kejayaan Mahathir Mohamad dalam membangunkan negara, sama ada dari aspek politik, ekonomi dan sosial telah menempatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang disegani dipersada antarabangsa. Pada tahun 2003, Mahathir Mohamad telah meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia dan Presiden UMNO. Namun, semangat beliau untuk terus menabur bakti sebagai seorang pemimpin diteruskan apabila beliau bertanding sekali lagi sebagai ahli Parlimen Langkawi pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, sekali gus berjaya dilantik semula sebagai Perdana Menteri ke-7 pada usia 92 tahun. Pada waktu itu, beliau mengetuai barisan pembangkang dan berjaya menjatuhkan kerajaan BN buat pertama kalinya, selepas hampir enam dekad mentadbir Malaysia. Antara faktor yang mendorong beliau untuk berjuang bersama pihak pembangkang ialah kerana isu penyelewengan wang negara iaitu 1MDB yang dikaitkan dengan Najib Tun Abdul Razak. Hal ini menyebabkan Mahathir Mohamad mengambil keputusan untuk menubuhkan parti politik baharu yang diberi nama Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), yang kemudiannya bergabung dengan parti pembangkang lain seperti Pakatan Keadilan Rakyat (PKR), Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Gabungan ini telah mewujudkan sebuah parti perikatan baharu yang diberi nama Pakatan Harapan (PH). Walau bagaimanapun, pentadbiran Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ke-7 tidak bertahan lama apabila beliau sendiri meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Pengerusi parti BERSATU tanpa sebarang alasan yang kukuh (Berita Harian, 2020, 24 Februari).

Sewaktu pentadbirannya, gaya pentadbiran yang dipamerkan Mahathir Mohamad dilihat sangat optimistik, sekali gus menjadi antara faktor utama yang banyak mempengaruhi keputusannya dalam menyelesaikan isu-isu politik, ekonomi, dan sosial negara. Selain itu, sikap nasionalis Melayu yang ada dalam diri Mahathir Mohamad sejak dulu telah menyebabkan sesetengah pihak beranggapan bahawa beliau mempunyai sikap liberal terhadap sekelompok masyarakat lain. Menurut Jamaie (2003), ciri kepimpinan Mahathir adalah lebih liberal jika dibandingkan dengan kepimpinan yang terdahulu. Oleh itu, pelbagai gelaran dan labelan diberikan kepada beliau seperti sosialis-nasionalis, diktator, nasionalis kapitalis dan sebagainya susulan daripada strategi dan cara politik Mahathir Mohamad dalam mengekalkan kuasa pentadbirannya. Terdapat banyak kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana tentang Mahathir Mohamad sama ada mengenai biografinya, idea pemikirannya, dan gaya kepimpinannya. Misalnya, kajian Muhammad Nur Azimi (2017), Muniroh dan Ahmad Zaharuddin (2017), serta Joyce Cheah dan Mohd Khairie (2017) tentang gaya kepimpinan dan isu-isu yang dihadapi sepanjang kepimpinannya. Namun, sedikit sahaja kajian yang memfokuskan kepada persepsi atau pandangan masyarakat terhadap kepimpinannya, terutamanya dari sudut pandangan mahasiswa di Malaysia. Perbincangan ini penting bagi mengetahui dengan lebih mendalam sejauh mana penerimaan masyarakat terhadap kepimpinan Mahathir Mohamad. Oleh itu, kajian ini akan menyelidiki pandangan mahasiswa UPSI terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad sepanjang beliau menjadi Perdana

Menteri Malaysia ke-4 dan ke-7. Secara terperincinya, kajian ini melihat sama ada berlaku perubahan atau tidak dalam persepsi mahasiswa terhadap kedua-dua fasa pemerintahan Mahathir Mohamad.

## Kajian Literatur

Bagi memantapkan lagi sorotan literatur ini, maka sumbernya dipilih secara autoritatif dari buku, jurnal akademik dan dibahagikan kepada beberapa tema utama iaitu:

### 1. Kepimpinan Mahathir Mohamad

Terdapat banyak kajian lepas yang menyelidiki tentang gaya kepimpinan Mahathir Mohamad sewaktu beliau memegang tumpuk pemerintahan negara dari pelbagai perspektif berbeza. Misalnya, kajian yang Muniroh dan Ahmad Zaharuddin (2017) yang menjelaskan secara terperinci berkaitan dengan pelaksanaan kempen “Kepimpinan Melalui Teladan” yang dilaksanakan oleh Mahathir Mohamad di mana wujudnya dasar yang dibawa oleh beliau iaitu Dasar Pandang ke Timur dalam sektor awam dan swasta. Pelaksanaan dasar ini menerangkan tentang berlakunya perubahan dalam sektor pekerjaan di mana amalan dan disiplin masyarakat di negara Jepun. Selain itu, kempen ini juga menerapkan penghapusan amalan-amalan negatif seperti amalan rasuah. Pengalaman kempen “Kepimpinan Melalui Teladan” perlu diteruskan bagi melahirkan generasi-generasi pemimpin mempunyai sifat kepimpinan untuk dicontohi, dihayati dan diamalkan oleh semua. Kajian ini selari dengan kajian Nor Azlina & Rohaini (2019) yang melihat corak kepimpinan Mahathir Mohamad dalam Dasar Luar Malaysia-Jepun. Hasil kajian ini mendapati bahawa berlaku perubahan besar dalam pembentukan hala tuju pembangunan Malaysia apabila mula berpaling ke negara Asia Timur dari pengaruh Barat menerusi Dasar Pandang ke Timur. Selain dasar, kajian Mohammad Nur Azimi (2017) pula menerangkan tentang peranan dan sumbangannya Mahathir Mohamad dalam pembangunan pendidikan tinggi masyarakat Melayu. Pelbagai perubahan yang dibawa khususnya dalam meningkat martabat orang Melayu dalam bidang pendidikan serta mewujudkan pelbagai bentuk institusi pendidikan tinggi yang sehingga kini masih lagi wujud seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Menerusi analisis ucapan Mahathir Mohamad, kajian ini mendapati bahawa kepimpinan dan pengalaman Mahathir Mohamad dalam memperjuangkan bangsa Melayu ke arah perkembangan berjaya mengubah Malaysia sebagai sebuah negara pertanian kepada sebuah negara industri. Oleh itu, pemerkasaan sistem pendidikan orang Melayu adalah penting supaya tahap pendidikan mereka dapat bergerak selari dengan tuntutan agama iaitu agama Islam dan pendidikan global.

Kajian Joyce Cheah dan Mohd Khairie (2017) sedikit berbeza dengan kajian-kajian di atas kerana kajian ini memfokuskan kepada kepimpinan berdasarkan nilai Konfusianisme dalam masyarakat multikultural dengan mengambil kepimpinan Mahathir Mohamad sebagai contoh. Hasil analisis ucapan-ucapan pemimpin, kajian ini mendapati bahawa Mahathir Mohamad banyak menerapkan atribut nilai Konfusianisme dalam mengembangkan kandungan ucapannya untuk menarik penontonnya secara bersama. Kajian Nurul Aimi (2022) pula menelusuri kepimpinan Mahathir dari tahun 1981 hingga 2003 dengan mengenal pasti cabaran dan gaya interaksi yang dipraktikkan. Dapatkan kajian menemukan Mahathir Mohamad telah menghadapi cabaran keadaan negara dan rakyat yang rencam, tetapi dalam masa yang sama berubah kepada keadaan lebih baik. Beliau telah mempraktikkan gaya interaksi dan pengaruh yang tersendiri dalam menghadapi cabaran ini. Oleh itu, model kepimpinan autentik bersesuaian dengan kepimpinan Mahathir yang tersendiri. Keautentikan pendekatan kepimpinan dan pencapaian Mahathir menyebabkan beliau kekal unggul sebagai seorang negarawan Malaysia dan berada dalam liga yang tersendiri.

Manakala, Rusdi dan Sivamurugan (2017) pula menganalisis falsafah pemikiran politik Mahathir Mohamad yang dikenali sebagai Mahathirisme. Pemikiran Mahathirisme merupakan satu idea yang melihat kepada keunikian pentadbiran beliau bersama falsafah dan cara pengurusan negara yang ingin dibawanya. Antara faktor penting yang mewujudkan falsafah pemikiran Mahathirisme ialah keluarga, penjajahan negara, kedoktoran dan blog ‘C.H.E. Det’. Mahathirisme ini juga dibentuk bukan sahaja melalui pelaksanaan dasar pembangunan dan kestabilan masyarakat malah ia juga turut berkait dengan gaya kepimpinan dan falsafah diri Mahathir Mohamad sendiri. Selain Rusdi dan Sivamurugan (2017), kajian tentang Mahathirisme ini juga turut dikaji oleh Hilley (2008) yang melihat konsep pemikiran Mahathirisme sebagai satu pendekatan

autokratik Mahathir dalam memerintah rakyat. Hilley (2008) memfokuskan kepada sekatan represif yang digunakan Mahathir menerusi penapisan dan pengawasan media seperti membatalan permit penerbitan jika bertentangan dengan aspirasi kerajaan dan mengawal media melalui pemilikan negara bagi memastikan media memaparkan berita yang positif dan selari dengan kerajaan. Begitu juga dengan kajian Dosch (2014) yang menyatakan konsep Mahathirisme digunakan sebagai satu cara kerajaan untuk mengekalkan *status quo* mereka menerusi sekatan atau kawalan kepada pembangkang. Kawalan ini dibuat bagi memastikan pembangkang sentiasa lemah dan tidak dapat menarik sokongan masyarakat. Manakala Wain (2009) menghujahkan bahawa pemikiran Mahathirisme adalah cara Mahathir untuk menghalalkan matlamatnya bagi mengekalkan kuasa.

Kesemua kajian di atas menganalisis kepimpinan Mahathir Mohamad, termasuk juga falsafah pemikiran beliau iaitu Mahathirisme menerusi pelbagai pendekatan dalam pengumpulan data seperti analisis dokumen. Kajian-kajian ini membuktikan bahawa Mahathir Mohamad mempunyai kepimpinan tersendiri dalam menguruskan pentadbiran negara dan masyarakat. Walaupun ada kalanya pendekatan yang digunakan oleh Mahathir dalam kepimpinannya dilihat autokratik kerana menggunakan kawalan dan sekatan, namun ianya berjaya mengekalkan kuasanya selama 22 tahun. Kajian-kajian ini memberi nilai tambah kepada literatur, namun kekurangannya adalah tidak menumpukan kepada data empirikal tentang pandangan masyarakat terhadap kepimpinan Mahathir Mohamad.

## 2. Perspektif Generasi Muda tentang Pemimpin

Perbincangan mengenai persepsi mahasiswa tentang pemimpin dapat dikaitkan dengan banyak kajian. Misalnya, kajian Hairol Anuar dan Zakaria (2011) menyelidiki tentang ketirisan nilai tradisi dalam proses pemilihan kepimpinan politik dalam kalangan generasi muda Melayu. Kajian ini menunjukkan bahawa penekanan nilai-nilai Islami di dalam pemilihan kepimpinan politik masih penting dalam kalangan generasi muda Melayu. Ini kerana bangsa Melayu terkenal dengan ketertinggian nilai-nilai tradisi Melayu yang turut berkait dengan nilai-nilai Islam. Oleh itu, generasi muda Melayu wajar untuk menghindari daripada pemikiran *ekstremisme*, *chauvinisme* dan *fanatisme* dalam membuat pemilihan kepimpinan supaya pemimpin yang dipilih berupaya memperbaiki keperibadian yang baik. Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Fuad et. al (2009) membincangkan tentang minat, aspirasi dan sokongan politik Belia IPT Malaysia terhadap pihak kerajaan yang pada waktu itu diperintah oleh parti Barisan Nasional dan faktor yang mempengaruhi pemilihan mereka. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara soal selidik yang melibatkan 5200 belia daripada 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan 12 Swasta (IPTS). Kajian ini mendapat minat dan penyertaan mahasiswa, sumber maklumat politik, aspirasi, kriteria pemilihan calon dan parti, sokongan parti, kepimpinan dan implikasi dasar mempengaruhi sokongan mahasiswa IPT kepada kerajaan. Terdapat juga kajian lepas oleh Abdul Razaq et. al (2017) yang turut menyelidiki aspirasi belia terhadap kepimpinan politik negara dengan menggunakan kaedah yang sama iaitu kaedah kuantitatif secara tinjauan menerusi soal selidik yang melibatkan 1200 sampel golongan belia dengan berlatar belakangkan pelbagai etnik di seluruh Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap aspirasi dan kecenderungan belia Malaysia terhadap kepimpinan politik negara berkaitan dengan aspek kredibiliti karakter, idealisme perjuangan, gaya kepimpinan dan kecenderungan belia dalam pemilihan pemimpin politik. Hasil kajian menunjukkan belia Malaysia meletakkan aspirasi yang tinggi kepada kredibiliti karakter pemimpin, terutamanya pemimpin yang berpandangan jauh dan kompeten. Selain itu, belia mengharapkan gaya kepimpinan berbentuk penyertaan iaitu pemimpin yang menunjukkan sikap prihatin terhadap permasalahan rakyat adalah sangat penting berbanding dengan kepimpinan berdasarkan gaya arahan. Manakala, kajian Sarjit et al. (2012) membincangkan tentang pemilihan pemimpin politik dalam kalangan belia minoriti di Semenanjung Malaysia menerusi edaran borang soal selidik kepada 850 orang responden belia minoriti di seluruh Semenanjung Malaysia. Kajian ini merumuskan bahawa belia memilih pemimpin yang mempunyai profesion pekerjaan tertentu dan mereka yang mempunyai komitmen agama atau nilai moral yang tinggi.

Jika merujuk kepada kesemua kajian-kajian lepas di atas, kelebihan yang ditonjolkan adalah tentang pandangan golongan belia atau mahasiswa terhadap pemilihan kepimpinan politik yang diukur menerusi kajian tinjauan. Walau bagaimanapun, kelompongan di dalam kajian-kajian ini ialah ketiadaan tokoh-tokoh

pemimpin yang spesifik yang dijadikan sebagai aktor utama dalam mengukur pandangan golongan belia terhadap kepimpinan mereka dan perkara ini dilihat berbeza dengan kajian yang akan dilakukan iaitu mengukur nilai kepimpinan seorang tokoh politik negara iaitu Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri.

## Metodologi

### 1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif menerusi kajian tinjauan. Oleh itu, instrumen pengumpulan data yang digunakan ialah borang soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada 377 orang mahasiswa UPSI bagi mengukur nilai kepimpinan dan pandangan mereka terhadap kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-4 dan ke-7. Instrumen soal selidik yang dibina berasaskan kajian-kajian lepas ini mengandungi empat bahagian iaitu: bahagian demografi; penerimaan mahasiswa terhadap nilai kepimpinan Mahathir pada fasa pemerintahan pertama dan kedua; serta faktor-faktor yang mempengaruhi pandangan mahasiswa terhadap kepimpinan Mahathir Mohamad. Soal selidik ini menggunakan skala pengukuran Likert 5 mata (Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju). Ujian rintis juga telah dilaksanakan ke atas seramai 30 orang mahasiswa UPSI dan telah disemak oleh pakar instrumen. Dapatkan analisis kajian rintis mendapat, nilai kebolehpercayaan kepada nilai Alpha Cronbach ialah 0.94 dan ini menunjukkan instrumen berada dalam keadaan sangat baik dan efektif dengan tahap konsisten yang tinggi, sekali gus boleh digunakan dalam penyelidikan sebenar (Bond & Fox, 2015).

### 2. Pensampelan

Jumlah responden ditentukan berdasarkan kepada jadual penentuan sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) iaitu seramai 377 orang responden. Jumlah sampel ini diambil daripada populasi mahasiswa UPSI yang seramai 20,142 pelajar melibatkan pelajar pada peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda dan Diploma. Jumlah ini relevan bagi memastikan sampel yang ada dapat digeneralisasikan kepada populasi sebenar dan mencapai ralat pensampelan 5% ( $<.05$ ) dengan aras keyakinan 95%.

### 3. Proses Pengumpulan Data

Data primer kajian ini diperolehi menerusi pengedaran soal selidik yang dijalankan secara bersemuka di UPSI, Tanjung Malim sekitar November 2021 sehingga Jun 2022. Selain data lapangan, kajian ini turut menggunakan data sekunder seperti buku, jurnal akademik, laman sesawang, dan akhbar yang autoritatif bagi memperkuuhkan dan menyokong daptan kajian.

### 4. Analisis Kajian

Data kuantitatif ini dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 23 secara deskriptif menerusi analisis min, kekerapan dan peratusan. Analisis deskriptif ini juga digunakan bagi mengetahui dan menerangkan secara terperinci tentang pemboleh ubah maklumat demografi responden, maklumat nilai kepimpinan pemimpin dan faktor-faktor yang mempengaruhi persepsi mahasiswa ini. Analisis kajian bagi soal selidik yang diedarkan dianalisis untuk menentukan peratusan dan tahap min yang telah digolongkan kepada empat tahap iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, dan tinggi. Nilai skor min dibahagikan kepada empat peringkat iaitu pada skor min 0.01 hingga 2.00 berada pada tahap rendah, skor min 2.01 hingga 3.00 pula menunjukkan tahap sederhana rendah, 3.01 hingga 4.00 pada aras sederhana tinggi dan pada tahap 4.01 hingga 5.0 pula berada pada tahap tinggi (Nunally & Bernstein, 1994).

## Dapatkan Kajian

### 1. Analisis Demografi Responden

Jadual 1 di bawah merumuskan demografi responden kajian. Analisis jadual demografi responden menunjukkan variasi dalam jantina, umur, etnik, agama, peringkat pengajian, dan fakulti dalam kalangan 377

orang responden. Dari segi jantina, terdapat lebih ramai mahasiswa perempuan (52.3%) berbanding lelaki (47.7%), menunjukkan sebaran jantina yang hampir seimbang dalam kajian ini mampu menggambarkan perspektif kedua-dua jantina secara adil. Selain itu, responden kajian ini berumur antara 22 hingga 24 tahun (64.5%), diikuti oleh mereka yang berumur 19 hingga 21 tahun (30.2%), dan yang paling sedikit adalah dalam kumpulan umur 25 hingga 28 tahun (5.3%). Ini kerana majoriti responden adalah mereka yang berada di tahun tiga dan akhir bagi pengajian Ijazah Sarjana Muda. Sebahagian besar responden adalah etnik Melayu (69.6%), dengan etnik lain seperti Cina (14.2%), India (5.6%), Bumiputera Sabah (5.3%), dan Bumiputera Sarawak (5.3%) mewakili sebahagian kecil dari sampel. Ini menunjukkan dominasi etnik Melayu dalam sampel ini mencerminkan komposisi demografi masyarakat Malaysia secara umum, dan UPSI secara khususnya. Oleh itu, Islam adalah agama majoriti dalam kalangan responden (72.2%), diikuti oleh Buddha (14.3%), Kristian (7.9%), dan Hindu (5.6%). Sebaran agama ini mengikut pola yang serupa dengan demografi etnik, di mana ia menunjukkan hubungan antara etnik dan agama dalam konteks Malaysia. Bagi peringkat pengajian, kebanyakannya responden (88.6%) sedang menuntut untuk Ijazah Sarjana Muda, dengan sebilangan kecil (11.4%) sedang menuntut di peringkat Diploma. Dalam konteks fakulti, responden dipilih dari pelbagai fakulti, dengan Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) memiliki peratusan terbesar (21.0%), diikuti oleh Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) (12.7%), dan Fakulti Sains Matematik (FSM) (11.9%). Kepelbagaiannya ini menunjukkan keberagaman bidang pengajian dalam kalangan responden kajian.

Jadual 1. Taburan Demografi Responden

Item		Kekerapan (n = 377)	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	180	47.7
	Perempuan	197	52.3
Umur	19 – 21	114	30.2
	22 – 24	243	64.5
	25 – 28	20	5.3
Etnik	Melayu	262	69.6
	Cina	54	14.2
	India	21	5.6
	Bumiputera Sabah	20	5.3
	Bumiputera Sarawak	20	5.3
Agama	Islam	272	72.2
	Buddha	54	14.3
	Hindu	21	5.6
	Kristian	30	7.9
Peringkat Pengajian	Diploma	43	11.4
	Ijazah Sarjana Muda	334	88.6
Fakulti	Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK)	78	21.0
	FSSK	35	9.2
	FTV	24	6.3
	FSM	45	11.9
	FMSP	34	9.0
	FPE	43	11.4
	FSKIK	29	7.7
	FPM	41	10.8
	FBK	48	12.7

Sumber: Data Lapangan (2022)

## 2. Penerimaan Mahasiswa UPSI terhadap Nilai Kepimpinan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-4

Jadual 2 menganalisis penerimaan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad pada tempoh pertama pemerintahannya iaitu sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-4. Data ini dikumpul dari 377 orang responden, yang mengukur aspek-aspek seperti karisma sebagai pemimpin, kepimpinan nasionalis, optimisme dalam pemerintahan, kepimpinan liberal, gelaran ‘Bapa Pemodenan’, panduan untuk generasi muda dalam kepimpinan, di samping mempertimbangkan visi dan misi, sokongan moral, pengambilan keputusan, dan perspektif kepimpinan Islam dan Barat Mahathir Mohamad. Secara keseluruhan, penerimaan mahasiswa terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad pada awal pemerintahannya adalah tinggi, dengan min keseluruhan sebanyak 4.32 dan sisihan piawai 0.854.

Jadual 2. Penerimaan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap nilai Kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad pada awal pemerintahannya.

<b>Item</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang berkarismatik.	4.22	.818	Tinggi
Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan seorang pemimpin yang nasionalis sewaktu pentadbiran beliau.	4.19	.807	Tinggi
Dasar yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir ketika di awal pemerintahan beliau melambangkan sebagai seorang pemimpin yang optimistik.	4.14	.813	Tinggi
Nilai kepimpinan bersifat liberal yang ada pada Tun Dr Mahathir Mohamad ketika pentadbiran beliau sewaktu menjadi Perdana Menteri Malaysia sesuai digunakan di negara ini.	3.67	1.016	Sederhana Tinggi
Gelaran “Bapa Pemodenan” sesuai dengan nilai kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad.	4.38	.732	Tinggi
Nilai kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad ini dijadikan panduan khususnya kepada generasi muda dalam menceburi bidang kepimpinan pada masa akan datang.	4.02	.993	Tinggi
Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai sebuah visi dan misi yang jelas dalam pemerintahan beliau bagi mencapai negara Malaysia sebagai sebuah negara yang maju.	4.16	.935	Tinggi
Sebagai seorang pemimpin, Tun Dr Mahathir Mohamad mempunyai semangat dan memberi sokongan moral kepada pengikutnya.	4.01	.863	Tinggi
Segala keputusan yang dibuat oleh Tun M mengambil pandangan atau nasihat orang lain.	3.58	1.019	Sederhana Tinggi
Nilai kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad melambangkan kepimpinan dari perspektif Islam dan Barat.	3.91	1.010	Sederhana Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>4.32</b>	<b>.854</b>	<b>Tinggi</b>

Sumber: Data Lapangan (2021)

Kajian mendapati bahawa mahasiswa UPSI paling menghargai Mahathir Mohamad atas gelarannya sebagai "Bapa Pemodenan", karismanya sebagai pemimpin serta kepimpinan nasionalis yang ditonjolkan, dengan skor purata min tertinggi masing-masing adalah 4.38, 4.22 dan 4.19. Ini menunjukkan mahasiswa mengakui bahawa nilai kepimpinan Mahathir Mohamad adalah tinggi kerana sumbangan beliau dalam pemodenan Malaysia dan kemampuan kepimpinannya yang karismatik dan optimistik. Di sisi lain, aspek kepimpinan beliau yang paling kurang dihargai adalah dalam konteks pengambilan keputusan yang inklusif (mengambil pandangan atau nasihat orang lain) dan pandangan tentang kepimpinan yang menggabungkan

nilai Islam dan Barat, dengan skor purata yang lebih rendah iaitu 3.58 dan 3.91. Ini menggambarkan bahawa mahasiswa UPSI menghargai secara khusus sumbangan Mahathir Mohamad dalam aspek pemodenan dan karisma sebagai pemimpin, namun pandangan mereka tentang keinklusifan dan integrasi nilai dalam kepimpinannya lebih beragam dan cenderung ke arah sederhana tinggi.

### 3. Pandangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap pemilihan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri yang ke-

Jadual 3 menyelidiki pandangan mahasiswa UPSI terhadap pemilihan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke-7, iaitu fasa kali kedua Mahathir Mohamad dipilih sebagai Perdana Menteri.

**Jadual 3. Jadual min pandangan Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap pemilihan Mahathir sebagai Perdana Menteri yang ke-7**

<b>Pandangan Mahasiswa UPSI Terhadap Pemilihan Tun M Sebagai PM-7</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap Interpretasi</b>
Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan calon yang terbaik dalam menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-7.	3.06	1.202	Sederhana Tinggi
Corak pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu menjadi Perdana Menteri yang ke-7 berbeza dengan corak pemerintahan beliau sewaktu menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-4.	3.92	.949	Sederhana Tinggi
Penubuhan parti bebas yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan langkah yang terbaik dalam memenangi pilihan raya umum yang ke-14.	3.16	1.128	Sederhana Tinggi
Penglibatan golongan muda dalam pilihan raya umum ke-14 menjadi pencetus kepada kemenangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam PRU tersebut.	3.69	1.019	Sederhana Tinggi
Faktor usia dan pengalaman beliau menjadi tanda pengukur kepada pemilihan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin negara.	3.76	1.058	Sederhana Tinggi
Kemenangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam PRU-14 menjadi pencetus kepada kesedaran masyarakat terhadap kuasa memilih di tangan rakyat.	3.92	1.021	Sederhana Tinggi
Rakyat sudah matang dalam menilai politik negara.	3.69	1.131	Sederhana Tinggi
Penghapusan cukai GST merupakan langkah yang terbaik dalam menyelamatkan krisis ekonomi negara.	3.32	1.175	Sederhana Tinggi
Kehilangan sokongan kepercayaan ahli kabinet menunjukkan kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad diragui.	3.72	1.027	Sederhana Tinggi
Tun Dr Mahathir Mohamad merupakan pencetus kepada krisis politik di negara.	3.43	1.145	Sederhana Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.23</b>	<b>1.125</b>	<b>Sederhana Tinggi</b>

Secara keseluruhannya, mahasiswa UPSI menunjukkan pandangan sederhana tinggi terhadap pemilihan Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ke-7 (min: 3.23; s.p: 1.125). Ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat pelbagai pandangan, kebanyakan mahasiswa UPSI mempunyai pandangan yang agak positif dan sederhana tinggi terhadap pemilihan Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7. Pandangan ini mencerminkan kepercayaan mereka terhadap kemampuan dan pengalaman beliau, serta kesedaran mereka terhadap isu-isu politik dan ekonomi semasa. Jika dianalisis kesemua item, tiga pernyataan yang mempunyai nilai skor min tertinggi, serta sisihan piawaian yang rendah ialah “Corak pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad sewaktu menjadi Perdana Menteri yang ke-7 berbeza dengan corak pemerintahan beliau sewaktu menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ke-4”, “Kemenangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam PRU-14 menjadi pencetus kepada kesedaran masyarakat terhadap kuasa memilih di tangan rakyat” dan “Faktor usia dan pengalaman beliau menjadi tanda pengukur kepada pemilihan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin negara”, dengan nilai skor min melebihi 3.70. Secara khususnya, dapatan menunjukkan bahawa terdapat perubahan signifikan dalam gaya atau pendekatan kepimpinan Mahathir Mohamad pada kali kedua beliau dilantik sebagai Perdana Menteri ke-7. Ini kerana tempoh pemerintahan Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7 hanya bertahan selama dua tahun sahaja dan sepanjang tempoh ini, tidak banyak

pembangunan ekonomi yang direncanakan berbanding dengan pemerintahan sebelumnya. Pada waktu ini, pentadbiran beliau banyak menumpukan kepada proses mereformasikan institusi agar lebih telus dan bebas dari korupsi.

#### 4. Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pandangan Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap Nilai Kepimpinan Mahathir Mohamad

Jadual 4 di bawah menyelidiki faktor-faktor yang mempengaruhi pandangan mahasiswa UPSI terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad sepanjang beliau memerintah negara.

**Jadual 4. Faktor-faktor yang mempengaruhi Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap nilai kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad**

Item	TB (%)	KB (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	Sisihan Piawai	Tahap Interpretasi
Keyakinan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam setiap percakapan menjadi antara faktor yang mempengaruhi nilai kepimpinan beliau.	5.6	4.2	6.3	47.2	36.6	4.05	1.054	Tinggi
Berfikiran jauh menjadi lambang nilai kepimpinan beliau dalam membuat apa jua keputusan sebagai seorang pemimpin.	3.5	2.1	9.2	44.4	40.8	4.17	.938	Tinggi
Ilmu yang luas menjadikan Tun Dr Mahathir Mohamad seorang pemimpin yang terkenal di seantero dunia.	3.5	1.4	5.6	43.0	46.5	4.27	.908	Tinggi
Latar belakang Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi antara pengaruh dalam dunia kepimpinan dan politik negara.	3.5	5.6	11.3	41.5	38.0	4.05	1.020	Tinggi
Keberanian beliau dalam menyuarakan apa jua isu yang bertentangan dengan hak asasi manusia di peringkat Antarabangsa menjadi faktor nilai kepimpinan seorang pemimpin yang berkualiter.	3.5	2.1	6.3	44.4	43.7	4.23	.926	Tinggi
Meninggikan ilmu menjadi salah satu tarikan yang mempengaruhi mahasiswa terhadap nilai kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad.	4.2	2.8	7.7	44.4	40.8	4.15	.982	Tinggi
Perkongsian daripada tenaga pengajar mengenai sejarah kepimpinan Tun M menjadi antara faktor pemilihan mahasiswa terhadap nilai kepimpinan beliau.	4.2	6.3	13.4	43.7	32.4	3.94	1.047	Sederhana Tinggi
Keluarga menjadi pengaruh besar kepada mahasiswa untuk menilai kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad.	4.2	8.5	18.3	42.3	26.8	3.79	1.064	Sederhana Tinggi
Penglibatan rakan sebaya dalam dunia politik Tun M membawa kepada pengaruh mahasiswa terhadap nilai kepimpinan beliau.	4.2	9.2	23.2	44.4	19.0	3.65	1.026	Sederhana Tinggi
Melalui pembacaan maklumat daripada media massa menjadi pendorong kepada mahasiswa terhadap nilai kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad.	4.2	2.1	10.6	50.7	32.4	4.05	.948	Tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>						<b>4.07</b>	<b>1.031</b>	<b>Tinggi</b>

Secara keseluruhan, pandangan mahasiswa UPSI terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad adalah positif dengan min keseluruhan 4.07 dan berada pada tahap ‘Tinggi’. Terdapat tujuh item yang berada pada tahap yang tinggi (nilai min  $> 4.00$ ) iaitu keyakinan dalam percakapan (min: 4.05; s.p: 1.054), berfikiran jauh (min: 4.17; s.p: 0.938), ilmu yang luas (min: 4.27; s.p: 0.908), latar belakang Mahathir (min: 4.05; s.p: 1.020), keberanian menyuarakan isu antarabangsa (min: 4.23; s.p: 0.926), penekanan terhadap ilmu (min: 4.15; s.p: 0.982) dan pembacaan maklumat dari media massa (min: 4.05; s.p: 0.948). Manakala bagi item-item lain seperti pengaruh tenaga pengajar, keluarga dan rakan sebaya berada pada tahap sederhana tinggi dengan nilai skor min  $< 4.00$ . Ini bermaksud faktor utama yang mempengaruhi pandangan mahasiswa UPSI terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad adalah faktor keperibadian dan ketokohan Mahathir Mohamad sendiri sebagai pemimpin, berbanding dengan faktor-faktor luar lain.

#### Petunjuk

- TS= Tidak Bersetuju  
KB= Kurang Bersetuju  
TP= Tidak Pasti  
S= Setuju  
SS= Sangat Setuju

### Perbincangan

Dapatkan pertama menunjukkan bahawa penerimaan mahasiswa UPSI terhadap nilai-nilai kepimpinan yang ditonjolkan oleh Mahathir Mohamad semasa tempoh pertama pemerintahannya sebagai Perdana Menteri Malaysia adalah tinggi, dengan min keseluruhan sebanyak 4.32 dan sisihan piawai 0.854. Ini menggambarkan bahawa kebanyakan nilai kepimpinan beliau, seperti karismatik, nasionalis, dan optimistik, mendapat pengiktirafan dari masyarakat. Malah, gelaran ‘Bapa Pemodenan’ yang diberikan kepada beliau diterima baik oleh mahasiswa UPSI. Ini menunjukkan pengiktirafan yang tinggi terhadap usaha beliau dalam memodenkan negara dan membawa perubahan yang signifikan dalam pelbagai aspek kehidupan rakyat Malaysia. Selain gelaran ‘Bapa Pemodenan’, terdapat sarjana yang mengetengahkan idea ‘Mahathirisme’ sebagai lambang falsafah pemikiran politik Mahathir. Menurut Khoo (1995), ‘Mahathirisme’ adalah gabungan lima ideologi politik yang diterapkan dalam pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri iaitu nasionalisme, kapitalisme, Islam, populisme dan authoritarianisme. Selain ideologi politik, istilah ‘Mahathirisme’ ini juga melihat kepada polisi awam yang dibangunkan oleh Mahathir untuk membawa Malaysia ke arah negara maju, strategi politik beliau dalam pentadbiran dan parti serta gaya kepimpinan yang ditonjolkan dalam parti dan kerajaan (Ahmad Fawzi, 1999). Oleh itu, boleh disimpulkan bahawa idea ‘Mahathirisme’ adalah konsep yang digunakan untuk menggambarkan falsafah pemikiran dan cara beliau menguruskan negara.

Walaupun idea ‘Mahathirisme’ ini diterima oleh masyarakat Malaysia secara keseluruhannya (Rusdi & Sivamurugan, 2017), namun terdapat juga aspek kepimpinan beliau yang menunjukkan tahap penerimaan sederhana tinggi. Antaranya ialah nilai liberal yang dibawa oleh Mahathir Mohamad kurang diterima atau difahami oleh sebahagian mahasiswa UPSI berbanding aspek kepimpinan yang lain. Selain itu, kebanyakan mahasiswa juga mengakui bahawa Mahathir Mohamad kurang mengambil pandangan dan nasihat orang lain dalam membuat keputusan. Ada kalanya keputusan yang dibuat bertentangan dengan pandangan umum atau nasihat dari pihak lain, demi mencapai visinya untuk Malaysia. Misalnya, Mahathir masih meneruskan hasratnya untuk membina beberapa projek mega seperti Menara Kembar Petronas, Putrajaya, dan Cyberjaya meskipun berdepan dengan kritikan umum. Keputusan ini mencerminkan visi beliau untuk memodenkan Malaysia dan meningkatkan profil negara di peringkat antarabangsa.

Dari segi penerimaan mahasiswa UPSI terhadap pemilihan kali kedua Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ke-7, dapatkan menunjukkan min keseluruhan 3.23 dengan sisihan piawai 1.125, berada pada tahap penerimaan sederhana tinggi. Ini mencerminkan pandangan yang agak positif terhadap kepimpinan dan strategi politik beliau, namun terdapat juga kebimbangan mengenai implikasi politik dan ekonomi yang berlaku pada era kedua pemerintahannya. Ini kerana pemerintahan kali kedua Mahathir lebih berfokus kepada reformasi institusi, ketelusan, dan membanteras rasuah, berbanding dengan pembangunan negara. Ini sebahagian besar adalah reaksi terhadap skandal 1MDB yang melibatkan mantan Perdana Menteri, Najib Tun

Razak. Pada waktu ini juga, Mahathir menghadapi cabaran ekonomi yang lebih besar, sehingga memaksa beliau mengambil langkah penjimatan yang ketat untuk mengurus bebanan hutang negara yang tinggi (Gomez, 2018).

Selain ekonomi, kepimpinan Mahathir juga dilihat rapuh kerana berdepan dengan ketidakstabilan politik yang tinggi (Case, 2020). Perbezaan ideologi antara parti komponen Pakatan Harapan (PH) telah mencetuskan konflik dalaman sehingga menyebabkan Mahathir meletakkan jawatannya pada Februari 2020, sekali gus menandakan jatuhnya kerajaan PH. Kemenangan PH dalam PRU-14 dan pelantikan Mahathir sebagai Perdana Menteri ke-7 adalah hasil daripada undi rakyat yang berkuasa memilih pemimpin. Mohd Mahadee et. al (2020) menjelaskan melalui sebahagian petikan daripada ucapan Perdana Menteri Malaysia ke-7 iaitu Mahathir Mohamad, “Sukar untuk membayangkan apa akan berlaku kepada negara sekiranya majoriti rakyat Malaysia tidak bangkit menyahut seruan untuk menumbangkan kerajaan terdahulu”. Ini bermaksud undi rakyat dalam PRU-14 telah menyebabkan jatuhnya kerajaan BN buat pertama kali setelah hampir 60 tahun memerintah negara. Dalam konteks ini, rakyat sudah matang dalam menilai politik negara dan penglibatan golongan muda dalam pilihan raya umum ke-14 menjadi pencetus kepada kemenangan Mahathir Mohamad dan kerajaan PH. Majoriti mahasiswa UPSI dalam kajian ini bersetuju bahawa rakyat, khususnya golongan muda sudah melalui proses kematangan dengan menilai sistem, institusi dan isu politik negara. Dapatkan ini selari dengan kajian Mohd Mahadee et. al (2019) yang menjelaskan bahawa sebahagian besar belia secara umumnya lebih peka kepada isu-isu politik dan tahap literasi politik masyarakat tinggi atau semakin celik politik yang menyebabkan boleh berlakunya pertukaran kerajaan buat pertama kalinya sejak kemerdekaan. Selain undi rakyat, faktor ketokohan dan pengalaman Mahathir menjadi tanda pengukur kepada pemilihan beliau sebagai Perdana Menteri ke-7. Kajian Muniroh dan Ahmad Zaharuddin (2017) menjelaskan bahawa kepimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad juga penting dalam konteks politik tanah air kerana beliau menjadi begitu dominan sehingga setiap kejayaan Malaysia di sepanjang tempoh tersebut sentiasa dikaitkan dengan beliau.

Dapatkan ketiga merumuskan bahawa terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pandangan mahasiswa UPSI terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad seperti faktor media massa, pengaruh keluarga dan rakan sebaya serta kredibiliti Mahathir sebagai pemimpin. Walau bagaimanapun, faktor utama yang mendorong mahasiswa UPSI untuk berpandangan positif (min: 4.07; s.p: 1.031) terhadap nilai kepimpinan Mahathir Mohamad sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri ialah faktor latar belakang dan kepimpinan Mahathir sendiri. Ini kerana mahasiswa UPSI melihat Mahathir Mohamad sebagai seorang pemimpin yang sentiasa berkeyakinan dalam percakapannya, berfikiran jauh, mempunyai ilmu yang luas, latar belakang akademik beliau serta keberanian beliau dalam menyuarakan isu-isu negara sedang membangun di peringkat antarabangsa. Menurut Mohd Afendi, Abd Aziz & Mohd Sufiean (2018), Mahathir sangat di peringkat antarabangsa sebagai seorang pemimpin yang lantang bersuara mengkritik negara-negara Barat sehingga dilabelkan sebagai anti-Barat. Namun, negara-negara dunia ketiga melihat Mahathir sebagai jurucakap yang mewakili mereka di arena antarabangsa. Oleh itu, secara keseluruhannya, pandangan positif mahasiswa UPSI terhadap kepimpinan Mahathir mencerminkan penghargaan mereka terhadap ketokohan dan sumbangan Mahathir kepada negara.

## Kesimpulan

Kajian ini menyelidiki nilai kepimpinan Mahathir Mohamad dari perspektif mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dalam dua tempoh pemerintahan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik yang diedarkan kepada 377 mahasiswa UPSI. Terdapat tiga dapatan utama yang boleh dirumuskan dari kajian ini. Pertama, hasil kajian menunjukkan bahawa gelaran ‘Bapa Pemodenan’ sesuai dengan nilai kepimpinan Mahathir yang banyak menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Walaupun terdapat keraguan terhadap pemilihan beliau sebagai Perdana Menteri ke-7, ketokohan Mahathir tetap dihargai, terutamanya dalam menentukan kemenangan PH pada Pilihan Raya Umum ke-14. Kajian ini juga mendapati penerimaan mahasiswa terhadap kepimpinan Mahathir adalah tinggi semasa beliau menjadi Perdana Menteri ke-4, namun sederhana tinggi semasa menjadi Perdana Menteri ke-7. Perubahan ini disebabkan oleh kematangan masyarakat dalam menilai politik serta

kelemahan pentadbiran Mahathir semasa tempoh kedua pemerintahannya. Selain itu, faktor-faktor utama yang mempengaruhi pandangan mahasiswa terhadap nilai kepimpinan Mahathir adalah didorong oleh faktor ketokohan Mahathir sendiri yang sentiasa berkeyakinan dalam percakapan, berfikiran jauh, mempunyai ilmu yang luas, latar belakang akademik yang baik, dan keberanian menyuarakan isu di peringkat antarabangsa. Pandangan positif ini mencerminkan penghargaan mahasiswa UPSI terhadap ketokohan dan sumbangan Mahathir kepada negara. Secara keseluruhannya, kajian ini memberikan gambaran jelas tentang perubahan dalam persepsi politik masyarakat, terutamanya mahasiswa terhadap kepimpinan Mahathir.

Implikasi kajian menunjukkan nilai-nilai dan strategi kepimpinan yang berkesan dan inklusif seperti berkeyakinan, pemikiran jauh, dan ilmu yang luas adalah penting dalam mempengaruhi penerimaan masyarakat terhadap pemimpin. Kepimpinan yang berkesan mampu membawa perubahan positif dan meningkatkan pembangunan sosioekonomi negara. Kajian ini juga mendapat kematangan politik masyarakat, terutamanya generasi muda semakin meningkat kerana mereka lebih kritikal dalam menilai kepimpinan politik. Oleh itu, dicadangkan agar kajian lanjutan dilaksanakan dengan memperluaskan skop kajian kepada golongan belia atau mahasiswa di semua institusi pengajian tinggi. Selain itu, kaedah kualitatif juga boleh digunakan untuk mendapatkan pandangan mendalam dan komprehensif tentang nilai kepimpinan Mahathir Mohamad.

**Penghargaan:** Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) atas pembiayaan penyelidikan melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS/1/2020/SS0/UPSI/02/07 (Kod: 2020-0226-106-102) dan disokong oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

**Konflik Kepentingan:** Tiada konflik kepentingan yang terlibat antara penulis dengan penyelidikan ini.

**Kenyataan Persetujuan termaklum:** Penyelidikan ini telah diperakukan oleh Etika Penyelidikan UPSI. Sebarang isu berkaitan etika penyelidikan telah diperhalusi oleh Sekretariat Etika Penyelidikan UPSI.

## Rujukan

- Abdul Razaq, A., Mohd Mahzan, Awang., & Jamil. A. (2017). Aspirasi terhadap kepimpinan politik negara. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 16, 19-47.
- Ahmad Fawzi, M. B. (1996). Mahathirisme: Suatu pemetaan politik Malaysia. *Seminar Kepimpinan Politik Malaysia Peringkat Kebangsaan*. 16-17 Julai. Bangi, UKM.
- Bond, T. G., & Fox, C. M. (2015). *Applying the Rasch model fundamental measurement in the human sciences*. Routledge
- Case, W. (2020). Democracy in an age of authoritarianism: Theorizing Malaysia's GE14. Dalam Gomez, E.T., & Mohamed Nawab, M. O. *Malaysia's 14th General Election and UMNO's Fall: Intra-Elite Feuding and the Pursuit of Power* (pp. 21-42). Routledge.
- Dosch, J. (2014). Mahathirism and its legacy in Malaysian's foreign policy. *European Journal of East Asian Studies*, 13(1), 5-32.
- Gomez, E.T. (2018). *Minister of finance incorporated: Ownership and control of corporate Malaysia*. Palgrave Macmillan.
- Hairol Anuar. M. D., & Zakaria. S. (2011). Kritisan nilai tradisi di dalam proses pemilihan kepimpinan politik dikalangan generasi muda Melayu: Satu tinjauan awal. Dalam Ahmad Zaki, B. (Ed), *World Congress for Islamic History and Civilizations, Tajdid dan Islah*. Jabatan Sejarah & Tamadun Islam, Universiti Malaya.
- Hilley, J. (2008). *Malaysia: Mahathirisme, hegemoni dan pembangkang baru*. Institut Terjemahan Negara.
- Jamaie, H. H. (2003). Kepimpinan politik: Pola kepimpinan politik UMNO. *AKADEMIKA*, 62 (2), 17-39.
- Joyce Cheah, L.S. & Mohd Khairie, A. (2017). Confucian value-based leadership communication: A study on Tun Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 33(3), 140-156.

- Khairunneezam. M. N., Siti Suriani. O., Amin. A. S., Mohd Isa. A., Kalsom. A., & Mahazan. A. M. (2015). *Pembentukan nilai kepimpinan melalui penglibatan sebagai JAKSA di kolej kediaman: Kajian kualitatif di Universiti Sains Islam Malaysia.* 1-13. [https://www.researchgate.net/publication/310814405\\_Pembentukan\\_Nilai\\_Kepimpinan\\_melalui\\_Penglibatan\\_sebagai\\_Jaksa\\_di\\_Kolej\\_Kediaman\\_Kajian\\_Kualitatif\\_di\\_Universiti\\_Sains\\_Islam\\_Malaysia](https://www.researchgate.net/publication/310814405_Pembentukan_Nilai_Kepimpinan_melalui_Penglibatan_sebagai_Jaksa_di_Kolej_Kediaman_Kajian_Kualitatif_di_Universiti_Sains_Islam_Malaysia).
- Khoo, B. T. (1995). *Paradoxes of Mahathirism: An intellectual biography of Mahathir Mohamad.* Oxford University Press.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610.
- Latar belakang politik, sejarah kehidupan Dr Mahathir. (2020, Februari 24). *Berita Harian.* <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/02/658664/latar-belakang-politik-sejarah-kehidupan-dr-mahathir>.
- Mohd Afendi, H. D., Abd Aziz, A., & Mohd Sufiean, H. (2018). *Hubungan luar Malaysia-Britain era Dr Mahathir Mohamad.* Penerbit Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mohd Fuad, M. J., Yahaya, I., Noor Aziah, M. A., Abdul Halim, S., & Khaidzir, I. (2009). Minat, aspirasi dan sokongan politik belia IPT Malaysia. *Malaysia Journal of Youth Studies*, 1, 71–84.
- Mohd Mahadee, I., Azlina. A., Nor Azili. H. & Mohd Sabri. M. N. (2020). Perkembangan politik era Malaysia baharu: Pandangan eksklusif belia terpelajar. *Akademika* 90(1), 161-174.
- Muhammad Nur Azimi, A. (2017). Peranan dan sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad dalam pembangunan pendidikan tinggi masyarakat Melayu. *E-Proceeding of the 6<sup>th</sup> International Conference on Social Sciences Research*, 306-315.
- Muniroh. A. R. & Ahmad Zaharuddin. S. S. (2017). Kempen “kepimpinan melalui teladan” semasa era pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad di Malaysia. *Sains Humanika*, 9(2), 15-23.
- Nor Anisah. A. H. & Razaleigh. M. (2017). Teori kepimpinan dari perspektif Islam dan Barat dalam tema kepimpinan transformasi. *Al-Hikmah*, 9(2), 141-153.
- Nor Azlina, E., & Rohaini, A. (2019). Corak kepimpinan Mahathir Mohamad dalam Dasar Luar Malaysia-Jepun 1981-2003. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 24-25 April 2019 Kolej Islam Antarabangsa Selangor.
- Northouse, P. G. (2010). *Leadership: Theory and practice.* Sage Publication.
- Nunally, J., & Bernstein, I. (1994). *Psychometric theory.* McGraw-Hill.
- Nurul Aimi, R. (2022). *Kepimpinan autentik Mahathir Mohamad 1981-2003.* [Tesis PhD, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia].
- Peregrym, D. & Wolff, R. (2013). Values-based leadership: The foundation of transformational servant leadership. *The Journal of Values-Based Leadership*, 6(2), 1-13.
- Rahman, S. (1984). *Perhitungan Mahathir.* Tratra Publication.
- Rozita, I., Muhammad Rahimi, H., & Bahiyah, A. H. (2018) Takrif kepimpinan, ciri-ciri pemimpin dan motivasi untuk memimpin menurut sudut pandang pemimpin wanita akar umbi. *MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 19(1), 28-42.
- Rusdi, O., & Sivamurugan, P. (2017). Falsafah pemikiran politik Dr. Mahathir Mohamad. *Jurnal Kemanusiaan*, 4(2), 78-91.
- Sarjit S. G, Ahmad Tarmizi. T., Mohd Razali. H., & Mohd Roslan. R. (2012). Penglibatan dan pemilihan pemimpin politik dalam kalangan belia minoriti di semenanjung Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 6, 1-15.
- Shukri, A. (2002). Konsep tamadun dan ciri-ciri ke arah pembangunan. Dalam Wan Ab. Rahman Khudzri, W. A., Munif Zariruddin, F. N., & Solahuddin, I. (Ed), *Tamadun Islam Suatu Sorotan.* PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Tenas Effendy. (2002). *Pemimpin dalam ungkapan Melayu.* Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Vilma, Z. (2018). Leadership values and values-based leadership: What is the main focus? *Applied Research in Health and Social Sciences*, 15(1), 43-58.

- Wain, B. (2009). *Malaysian Maverick: Mahathir Mohamad in turbulent times*. Palgrave Macmillan.
- Yufridin. W., Md. Nizam. A., Norakmal. A. K., Noor Asliza. A. R., Hasdarinar A. J., Hasrul. N. H., Suhana. M. T., Muhamad. S. J., Zuraidah. M. Z. & Zulhilizan. O. (2007). *Jejak bakti: Sumbangan Mahathir Mohamad dalam bidang kejuruteraan*. Penerbit UNIMAP.
- Zakaria, S. (2017). *Tokoh pejuang keemrdekaan 1*. Cahaya Kesturi.